# Majalah Amerika Menghinakan Islam (gambar Nabi) Disiarkan

*Yaaiyuhallazina 'amanu la tat'takhüzul lazinat takhozu dinakum la'iban walahawa minallazina utul kitabamin qoblikum wal kuffa'ra auliyaa'a wat'takhullaha inkuntum mukminin.* – Al-Maidah 57.

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman janganlah kamu memandang sebagai ketua akan orang-orang yang berkitab agama dahulu daripada kamu dan akan kafir-kafir yang mempermain-mainkan dan mempersia-siakan agama kamu : dan berbaktilah kepada Allah jika memang kamu orang-orang yang beriman."

*Yaaiyuhallazina amanuu in tuthiullazina kafaruu yaruddukum 'ala a'qobikum fatanqolibu khosirin.* Ali-'Imran 149.

Maksudnya: "Hai orang-orang yang beriman jika kamu mengikut orang-orang kafir itu,nescaya akan memalingkan kamu dari agama kamu menjadi kafir pula, lalu kamu akan terbalik menerima kerugian."

* * * *

Kita yakin pada pagi-pagi 23 Mei 1952 sekali lagi kaum Muslimin Semenanjung Tanah Melayu khasnya telah bergelora darah mereka, berberang perasaan mereka apabila terbaca satu berita sebuah akhbar tempatan menyatakan bahawa sebuah majalah Amerika yang bernama " News Week" keluaran 19 Mei 1952 muka 19 telah menyiarkan satu gambar yang mensifatkannya sebagai gambar junjungan kita Muhammad (SAW) Nabi yang kita muliakan dan kita ikut serta kita kasihi lebih dari diri kita sendiri yang tiap-tiap kaum muslimin akan redha mengorbankan segala-galanya walau dengan jiwanya sekalipun kerana meninggikan syiarnya dan kemuliaannya. Suatu gambar yang direka sedemikian itu dipandang oleh orang-orang Islam ialah suatu perbuatan yang sangat menghina dan mencapak kemuliaan dan kehormatan Islam ke atas junjungannya. Islam tidak sekali-kali membenarkan siapa juga pun membuat gambarnya.

Kejadian ini ialah kejadian yang ketiga berlaku sesudah perang ini. Kehinaan yang dihadapkan kepada Islam – yang pertama diterbitkan oleh sebuah majalah Inggeris di London mana yang kedua daripada gambar filem Amerika yang bernama Nabi Daud dan yang ketiga ini pula dari Amerika juga. Orang-orang Islam yang sentiasa disakiti, sekarang mereka ditimpakan pula dengan suatu kehinaan yang sepatutnya perbuatan-perbuatan yang sedemikian ini tidak akan terbit. Orang ramai mendapat naskhah "News Week" ini adalah daripada jabatan USIS atau dengan jelasnya daripada jabatan maklumat Amerika Syarikat di Singapura.

Di dalam gambar itu adalah ditunjukkan seorang yang memakai serban putih dan dihadapan serban itu diletakkan bulan sehiris – mukanya seakan-akan orang Tukri berjangut putih dan bermisai panjang. Oleh itu keadaan gambar yang diterakan dalam majalah itu yang di katakannya ialah gambar junjungan kita Muhammad (SAW).

Sungguhpun pihak kerajaan Amerika menerusi jabatan USISnya itu dari satu ke satu masa berusaha memberi penerangan-penerangan dan maklumat-maklumat untuk pengajaran serta dari satu ke suatu masa membuat siaran kepada umum menerangkan tentang keburukan-keburukan musuh-musuhnya kepada orang-orang Islam dengan nampaknya sebagai tujuan mencari daya upaya supaya perasaan orang Islam tidak akan memusuhinya : dan demikian juga di New York dengan galakan kerajaan Amerika telah membangunkan masjid yang besar dan cantik dengan tujuan untuk menarik perhatian orang-orang Islam kepadanya tetapi sekarang samada disedari atau

tidak dengan kecuian dan tidak memberi cukup faham kepada syarikat-syarikat perusahaan awam Amerika segala-galanya itu telah runtuh dan tawar serta seolah-olah dengan kerana itu orang telah menampak nama yang ada disebalik sepuh yang sebegitu indah terhadap kepada Islam.

Kejadian yang sedemikian ini apabila dicantumkan pula dengan filem Nabi Daud dahulu maka sudah tentu orang awam yang kurang pengetahuannya tetap akan mengatakan bahawa kerajaan Amerika seakan-akan bersengaja membiarkan anasir-anasir yang sedemikian itu dari satu ke suatu masa, mencerca dan menghinakan Islam terutamanya pula apabila mereka mendengar bahawa majalah yang menghinakan itu dibahagikan di sini oleh jabatan maklumatnya sendiri.

Perasaan yang sedemikian ini terbitnya sudah tentu daripada fahaman bahawa kerajaan Amerika dari satu ke suatu masa telah lalai daripada memberi ingat kepada perusahaan-perusahaan itu yang patut pada masa ini mereka mesti bercermat di dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan perasaan dan hati orang Islam umumnya. Hal ini sudah tentu akan berkesan kepada perasaan umat Islam di seluruh dunia dan sudah pada tempatnya kalau umat Islam menunjukkan berangnya kepada perbuatan-perbuatan yang menghinakan itu.

Kita orang-orang Islam wajib memenung dan memikirkan dengan tenang kepada ayat suci yang diterangkan di atas ini supaya kita mengetahui bagaimana Tuhan telah menunjukkan keadaan dan hati orang-orang kafir itu kepada kita. Dengan sebab itu walau bagaimana pun keadaan, walau bagaimana pun mereka berbuat baik kepada kita tetapi hati mereka dari satu ke suatu masa berikhtiar hendak meruntuh dan merosakkan kedudukan kita, dan mereka itu sentiasa akan menjadikan kita perkakas atau alat-alat untuk mencari faedah mereka.

Dari suatu ke suatu masa tidak putus-putusnya perbuatan kehinaan telah dihadapkan kepada Islam, cercaan dan gambar-gambar yang menyakitkan hati orang-orang Islam sentiasa dimuat untuk menurunkan taraf dan mencela keadaan-keadaan umat Islam. Mereka itu barangkali menyangka bahawa umat Islam itu di ajar "apabila ditampar pipi kanan maka hendaklah pula disorongkan pipi kiri" tetapi keadaan Islam yang sebenar tidak demikian itu. Umat Islam tidak redha di hina dan di cerca.

Mengeluarkan gambar dengan merupakan begitulah kononnya wajah junjungan kita yang mulia Muhammad (SAW) itu ialah suatu perbuatan yang dipandang menghina kepada orang Islam sebab Islam menegah sama sekali yang demikian. Hal ini sudah tentu diketahui oleh jabatan maklumat USIS. Tetapi dengan malangnya bahawa hal itu telah dibiarkan olehnya seolah-olah dia bertanya apakah orang Islam mesti buat atas langkah-langkah mencabar dan menodai itu?

Kita mendatangkan tuduhan kepada jabatan maklumat Amerika itu adalah dengan alasan bahawa ialah yang berketanggungan menyiarkan majalah-majalah itu ke semenanjung Tanah Melayu ini dan dengan sebab itu, mengeluarkan sesuatu dengan tidak usul periksa itu adalah kita pandang sebagai suatu cara yang disengaja tidak boleh diakui sebagai satu salah faham.

Bagi mempertahankan keadaan dan cercaan yang sedemikian ini adalah ia suatu kewajipan bagi tiap-tiap umat Islam dan kita berpendapatan bahawa mempertahankan suatu kehinaan yang dihadapkan kepada Islam itu ialah suatu jihad yang dituntut oleh agama dengan apa cara jua pun. Adalah kewajipan kepada kita bersama-sama tampil ke hadapan menuntut supaya majalah itu tidak dibenarkan masuk ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan menuntut supaya jabatan USIS yang membawa masuk majalah itu hendaklah menyiarkan mengapanya demikian juga penerbitnya "Weekly Global Kin and Conversation" New York mengeluarkan satu maklumat menuntut mengapa dalam perkara ini.

Di dalam apa-apa hal pun sekarang kita mengetahui

(sambungan pada muka 41)